
D **Isi tempat kosong dengan kata nama am atau kata nama khas dalam petikan di bawah.** SP 5.1.1(i)(ii)

Proton Persona	adik	Si Comel	meriam
Melaka	beca	Encik Samsuri	Kota A Famosa
	maskot	restoran	



Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan keluarga berkunjung ke **(1)** _____. Kami pergi ke sana dengan menaiki **(2)** _____. Ketika itu ekspo Karnival Sayang Melaka sedang berlangsung. Di karnival itu, kami dapat melihat pelbagai pameran tentang negeri tersebut. Saya dan keluarga turut bergambar dengan **(3)** _____ kancil yang dinamakan **(4)** _____.

Seterusnya, saya sekeluarga turut melawat di sekitar **(5)** _____ yang dibina oleh Portugis. Kami bergambar di tepi dua pucuk **(6)** _____ yang terdapat di hadapan kota tersebut. Selain itu, kami juga melawat ke beberapa tempat tinggalan sejarah. Saya dan **(7)** _____ mengambil peluang untuk menaiki **(8)** _____ yang dihiasi cantik mengelilingi bandar.

Sebelum pulang, kami berehat dan makan tengah hari di sebuah **(9)** _____ Pemiliknya, **(10)** _____ merupakan kenalan ayah. Saya berasa seronok dapat bercuti dengan keluarga.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS